

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



BANK ISLAM RAI 12 PEMENANG CABUTAN AL-AWFAR

Turut diadakan Cabutan September 2023 secara langsung di Siri Jelajah Bank Islam di Kota Bharu

KOTA BHARU, Ahad, [22 Oktober 2023]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) meraikan 12 pemenang Cabutan Akaun Al-Awfar, melibatkan Cabutan Jutawan, Cabutan Bulanan, Cabutan 13 Negeri, Cabutan Jom Pindah Gaji, Cabutan Penyimpan Baharu dan Cabutan 50for50 dalam satu majlis bersempena Siri Jelajah Bank Islam di AEON MALL Kota Bharu, Kelantan, semalam.

Di majlis berkenaan, seorang guru dari Teluk Intan, Perak, Azila Yahya, telah dinobatkan sebagai Jutawan Al-Awfar ke-40. Manakala 11 pemenang lagi menerima hadiah utama cabutan bulanan dan suku tahunan, masing-masing berupa wang tunai bernilai dari RM20,000 hingga RM100,000.

Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengarah Deposit dan Kad Bank Islam, Mohd Noor Jab. Turut hadir, Ketua Perniagaan Pembangunan Runcit dan Perusahaan Kecil dan Sederhana Bank Islam, Norman Awang.

Turut diadakan, Cabutan September 2023 Al-Awfar secara langsung untuk mencari Jutawan Al-Awfar ke-41 melalui Cabutan Jutawan serta 744 pemenang dari tiga kategori Cabutan Bulanan dan dua Kategori Cabutan Suku Tahun ke-3. Pelanggan terpilih bagi cabutan ini akan menerima hadiah berupa wang tunai berjumlah lebih RM1.9 juta.

Dilancarkan pada Mac 2009, Al-Awfar merupakan satu akaun pelaburan inovatif berasaskan konsep Mudarabah. Dana Al-Awfar dilaburkan dalam Portfolio Pembiayaan

Perumahan dan Aset Tetap Bank (HFA) sedia ada bagi memastikan pelaburan kukuh. Bagi menghargai pelanggan-pelanggan akaun transaksi ini, Bank Islam memberi peluang untuk pelanggan membawa pulang hadiah menarik menerusi siri cabutan yang diadakan secara telus.

Bersempena sambutan ulang tahun ke-40 Bank Islam tahun ini, Al-Awfar ditambah baik untuk memberi lebih ganjaran kepada pemegang akaun. Kempen Al-Awfar Baharu – Wow! Banyaknya! kini menawarkan pelbagai hadiah yang berjumlah lebih RM18 juta menerusi 15 kategori cabutan. Hadiah-hadiah yang disediakan termasuk kereta BMW 320i M Sport dan Tesla Model-Y, jongkong emas seberat 1 kilogram dan 2 unit motorsikal Harley Davidson.

Mohd Noor berkata, "Bank Islam sentiasa berusaha untuk menyediakan penyelesaian kewangan komprehensif dan relevan untuk pelanggan. Kami menghargai sokongan pelanggan terhadap kempen Al-Awfar sejak diperkenalkan pada tahun 2009. Sehingga 30 September 2023, Al-Awfar merekodkan saiz dana berjumlah hampir RM5 bilion menerusi 1.2 juta akaun.

"Sejak Al-Awfar Baharu diperkenalkan pada Julai lalu, kami mendapati para pelanggan kini mempunyai tahap kesedaran kewangan yang baik. Ia boleh dilihat menerusi peningkatan signifikan dalam jumlah pelanggan Al-Awfar dari tahun ke tahun," katanya.

Beliau menambah, "Versi baharu ini menawarkan penambahbaikan yang bertujuan untuk memberikan lebih banyak nilai tambah kepada pelanggan Bank Islam."

Sejak 2009 hingga kini, seramai 40 orang pelanggan telah menjadi Jutawan Al-Awfar dengan meraih hadiah utama berupa wang tunai RM1 juta setiap seorang. Mulai Julai tahun ini, versi baharu Al-Awfar Bank Islam telah menawarkan hadiah wang tunai RM1 juta kepada empat orang pemenang Cabutan Jutawan Al-Awfar yang diadakan pada setiap suku tahun.

Senarai pemenang Cabutan Al-Awfar yang hadir pada Majlis Penyampaian Hadiah Akaun Al-Awfar ialah:

No	Pemenang Hadiah Utama Cabutan Jutawan	Hadiah
1	AZILA YAHYA	RM1 juta (Cabutan Jun 2023)

No	Pemenang Hadiah Utama Cabutan Bulanan	Hadiah
1	ZULKARNAIN BIN SUMRI	RM100,000 (Cabutan Jun 2023)
2	MOHD FADZI BIN SULAIMAN	RM100,000 (Cabutan Julai 2023)
3	MOHD SULAIMAN BIN MOHD ROHAINI	RM100,000 (Cabutan Ogos 2023)

No	Pemenang Hadiah Utama Cabutan Negeri Kelantan	Hadiah
1	MUHAMAD FAIZA BIN YUSOH	RM10,000 (Cabutan Jun 2023)
2	MOHD SHAFAUZIR BIN SHAFIE	RM10,000 (Cabutan Julai 2023)
3	ADILAH BINTI ABDULLAH	RM10,000 (Cabutan Ogos 2023)

No	Pemenang Hadiah Utama Cabutan Jom Pindah Gaji	Hadiah
1	HASHIM BIN YAHAYA	RM50,000 (Cabutan Jun 2023)
2	HAITY BINTI MAT JUSOH	RM50,000 (Cabutan Julai 2023)
3	NURUL ARTIKAH BINTI MOHD FAUZI	RM50,000 (Cabutan Ogos 2023)

No	Pemenang Hadiah Utama Cabutan Penyimpan Baharu	Hadiah
1	TAN PAU SON	RM20,000 (Cabutan Jun 2023)

No	Pemenang Hadiah Utama Cabutan 50for50	Hadiah
1	ZAITON BINTI ABD WAHAB	RM50,000 (Cabutan Jun 2023)

Sebagai usaha untuk memastikan ketelusan, Bank Islam akan menghebahkan senarai nama pemenang Cabutan September 2023 Al-Awfar melalui akaun rasmi Facebook dan Instagram Bank Islam. Maklumat lanjut berkenaan akaun Al-Awfar boleh didapati di laman rasmi Bank Islam www.bankislam.com dan media sosial Bank Islam.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB

Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: media@bankislam.com.my